

KUASA PADA SARAWAK

11 OCT 1992

(P)

Oleh
Mohd. Kamil Yusuff

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kuasa istimewa yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam urusan pentadbiran negeri patut dikaji semula.

Perdana Menteri menegaskan, kuasa tersebut hanyalah bersifat sementara sahaja dan sudah sampailah masanya ia dikaji semula bagi mengintegrasikan rakyat negara ini.

"Sepatutnya setelah 35 tahun merdeka, eloklah kita mencari jalan mengintegrasikan semua rakyat Malaysia," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Bukit Kiara Equestrian And Contry Resort dan Majlis Equin Malaysia di sini, hari ini.

Menurutnya, sudah agak lama tidak diadakan kajian mengenai kuasa kerajaan kedua-dua negeri itu walaupun ia patut diadakan setiap 10 tahun dengan tujuan mengintegrasikan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung.

"Kita tidak harus fikirkan tentang kuasa yang ada pada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri kerana kita adalah sebuah negara," ujarnya.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa kuasa kerajaan negeri telah ditetapkan dan Kerajaan Pusat tidak akan merampas kuasa tersebut.

Mengenai 'sekatan' yang dikenakan oleh Kerajaan Sabah ke atas orang Semenanjung yang memerlukan pasport untuk

LIHAT MUKA 17

AKKAN DIKAJI SABAH

KUASA PADA SABAH SARAWAK AKAN DIKAJI

memasuki Sabah, Perdana Menteri berharap kerajaan negeri mencari jalan supaya tidak ada sekatan seumpama itu.

“Sebenarnya tidak ada sekatan bagi orang Sabah dan Sarawak bergiat di Semenanjung, bahkan terdapat di kalangan mereka yang memiliki syarikat-syarikat di Semenanjung.

“Mereka tidak harus curiga dengan integrasi ini,” katanya.

Perdana Menteri juga mengineatkan pemimpin Sabah su-

perdana Menteri berharap kerajaan negeri mencari jalan supaya tidak ada sekatan seumpama itu. paya jangan memainkan isu perkauman dan isu ‘Sabah untuk orang Sabah’ kerana ia tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada negara.

“Mereka harap mereka menang dalam isu tersebut tetapi apa hasil daripada kempen seumpama itu . . . kalau menang pun akan wujud juga pertelingkahan kaum,” ujar beliau.